

'Dr. Mahathir, Jasa'

Oleh BAHAROM MAHUSIN

MASSA 1.11.2003

“ Bangsa dan negara yang besar dan berkebudayaan tinggi adalah bangsa dan negara yang tahu menghargai jasa pahlawannya, baik mereka yang berjuang dengan senjata untuk mempertahankan negara, atau mereka yang berjuang dengan kepintaran siasah dan akal fikiran untuk mencapai kemerdekaan dan mengembalikan amanah bangsanya.”

– Ucapan Dr. Mahathir di majlis perasmian Seminar Biografi Malaysia di Kuala Lumpur pada 26 April 1986

DATUK SERI Dr. Mahathir Mohamad ialah seorang insan yang amat istimewa. Tanya sesiapa sahaja di Malaysia, baik musuh-musuh dan penentangannya, apalagi sahabat-sahabat dan penyokongnya, mereka akan terpesona dengan ketangkasan

minda dan kekuatan fizikalnya. Pada tahun ini beliau telah pun berusia 78 tahun tetapi beliau mentadbir negara seperti orang pertengahan umur. Pada acara-acara tertentu, misalnya majlis Hari Raya dengan rakyat di kediamannya di Sri Perdana, ada waktunya beliau dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah